

01 AUG 2001

DR MAHATHIR LAWAT SEHARI KE TLDM LUMUT

IPOH, 1 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyerahkan sebuah kapal latihan kepada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di pangkalan TLDM Lumut pada Isnin ini.

Upacara penyerahan kapal MV Fajar Samudera itu akan dilangsungkan pada pukul 11.55 pagi dalam rangka lawatan sehari Dr Mahathir ke pangkalan itu.

Menurut kenyataan Pejabat Perhubungan Raya TLDM Lumut hari ini, semasa lawatan itu Dr Mahathir dijangka ditemani oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan beberapa pegawai tertinggi TLDM.

Perdana Menteri dijangka tiba di Markas Armada TLDM Lumut kira-kira pukul 9.15 pagi sebelum memeriksa kawalan kehormatan utama beserta panji-panji KD Malaya pada pukul 9.25 pagi.

Beliau akan menghadiri taklimat operasi di Markas Armada pada pukul 9.30 pagi, diikuti dengan lawatan ke kapal KD Jebat pada pukul 11 pagi sebelum berlangsungnya upacara penyerahan kapal latihan itu.

Dr Mahathir akan mengadakan perjumpaan dengan warga TLDM pada pukul 1.50 tengah hari, diikuti dengan lawatan ke syarikat membuat kapal PSC-Naval Dockyard Sdn Bhd pada pukul 3.20 petang

Perdana Menteri sekali lagi akan memeriksa kawalan kehormatan utama beserta panji-panji KD Malaya pada pukul 4.50 petang sebelum meninggalkan pangkalan TLDM pada pukul 5 petang.

-- BERNAMA

KAY NMO